



Batu granit yang unik digunakan untuk membina Penjara Jugra.



Kesan peninggalan sejarah bekas Pejabat Daerah Kuala Langat terletak di lereng Bukit Jugra dan berhampiran dengan Sungai Langat.

▶ 20.23

HEKTAR

luas pusat pentadbiran lama

# Warisan sejarah Bukit Jugra

B/H 4/10/12 MS '6



▶ 38

**TAPAK**  
tinggalan sejarah

► **242.3**  
**METER**  
dari aras laut



## » Kawasan pernah jadi pusat pentadbiran Selangor era Sultan Abdul Samad

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Ahmad Isyafiq Mat Desa  
bhnews@bharian.com.my

### ► Banting

**B**ekas pusat pentadbiran Selangor lama di sekitar Jugra, di sini menonjolkan susur galur kesultanan negeri berkenaan serta permulaan kepada kemajuannya sekitar abad ke-19.

Penemuan sejarah itu sebagai bukti bahawa kawasan Bukit Jugra pernah suatu ketika dulu menjadi kompleks pentadbiran Sultan Selangor keempat, Sultan Abdul Samad seperti diakui dalam buku pengembara Britain, Isabella Lucy Bird, *The Golden Chersonese And The Way Thither* terbitan 1883.

Pusat pentadbiran lama dianggar seluas 20.23 hektar itu adalah satu-satunya kawasan kompleks pentadbiran kesultanan silam di negara ini yang berjaya dibongkar buat masa ini.

### 38 tapak tinggalan

Sehingga ini, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang bertanggungjawab mengkaji kawasan pentadbiran lama itu mengenal pasti 38 tapak tinggalan, termasuk rumah pasung di kaki Bukit Jugra dan pejabat daerah serta percukaian yang terletak pada ketinggian 242.3 meter (795 kaki) dari aras laut.

Rumah pasung yang terletak tidak jauh dari kawasan jeti atau pelabuhan lama di tebing Sungai

Langat, dibaki pulih sejak 2005 dan kerja itu siap sepenuhnya pada 2010.

Kini, ia menempatkan sebuah Muzium In-situ Jugra serta sebuah pejabat pentadbiran, manakala dua lagi tapak tinggalan masih menjalani proses penggalian.

Kurator PADAT, Intan Salina Idrus, berkata penemuan tapak tinggalan sejarah di kawasan Bukit Jugra itu memabitkan rangkaian bangunan yang berkaitan termasuk pusat pentadbiran dan kawalan keselamatan.

### Bukti wujud komuniti besar

Selain kompleks pentadbiran lama itu, katanya, beberapa bangunan lain seperti Istana Bandar di Kampung Bandar, Jugra dan Masjid Sultan Alaeddin berdekatan, juga tinggalan sejarah yang menunjukkan pernah wujud satu komuniti besar di kawasan itu.

Kawasan di Jugra adalah pusat pentadbiran kedua bagi Kesultanan Selangor, selepas Bukit Malawati di Kuala Selangor, sebelum berpindah ke Klang.

“Penggalian yang dilakukan juga menemui artifak seperti seramik, bahan binaan seperti paku dan kami mendapati bangunan itu dibina sebelum teknologi pembinaan menggunakan teknik cerucuk atau simen sebagai perekat.

“Binaan lantai dibina menggunakan lantai kayu dan batu bata yang disusun, manakala penggunaan campuran serbuk bata dan cengkerang menggantikan simen adalah untuk melekatkan batu bata,” katanya.

Jugra juga pernah menjadi laluan hasil timah dari Linggi yang suatu masa dulu di bawah pemerintahan Selangor, sebelum ditukar dengan Semenyah yang dulunya di bawah pemerintahan Negeri Sembilan.

“Kawasan ini menjadi tempat persinggahan dan tempat percukaian sebelum hasil timah dibawa ke Klang,” katanya



Istana Bandar dikatakan mempunyai 15 bilik dan dibina hasil gabungan seni bina Islam dari India dan Asia Barat.


[FOTO OSMAN ADNAN/BH]

Tinggalan bangunan pejabat daerah berkenaan kelihatan unik berikutan ia mempunyai lubang angin di lantai yang membolehkan udara masuk dan menyejukkan bangunan yang berlantai kayu.


### Pantau pergerakan kapal

Kedudukannya di atas Bukit Jugra dan menghadap muara Sungai Langat yang menjadi pintu masuk pelabuhan ketika itu, turut memberikan ciri keselamatan kerana segala pergerakan boleh diperhatikan dari kawasan yang tinggi itu.


Pada masa ini, tinggalan berkenaan berjiran dengan jirat Cina dan menurut Intan Salina, tapak perkuburan bagi masyarakat Cina dan India di atas Bukit Jugra itu sudah diwartakan kegunaannya sejak zaman pemerintahan British.




Kesan peninggalan sejarah bekas Pejabat Daerah Kuala Langat terletak di lereng Bukit Jugra dan berhampiran dengan Sungai Langat.



Seni bina penjara pertama di Selangor dibina pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad sekitar 1870-an ketika Jugra menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Selangor.



Istana Bandar mula dibina pada penghujung abad ke-19 dan siap sekitar 1905 dan ia berhampiran dengan Masjid Sultan Alaeddin.



B/H 4/10/12 MS 7



Antara artifak yang ditemui hasil penggalian di tapak Bukit Jugra lama.



Kesan tapak pembinaan berhampiran dengan bekas Pejabat Daerah Kuala Langat terletak di lereng Bukit Jugra dan berhampiran dengan Sungai Langat.

## Berpotensi tarik pelancong



“  
Penggalian yang dilakukan juga menemui artifak seperti seramik, bahan binaan seperti paku dan kami mendapati bangunan itu dibina sebelum teknologi pembinaan menggunakan teknik cerucuk atau simen sebagai perekat”

**Intan Salina Idrus,**  
Kurator PADAT

**Tapak** bekas kompleks pentadbiran Sultan Selangor keempat, Sultan Abdul Samad di Bukit Jugra, Banting, mampu menjadi satu lagi tarikan pelancong dan penyelidik ke kawasan itu.

Tapak tinggalan yang boleh dianggap sebagai satu rangkaian bangunan yang mempunyai hubungan kait di sekitar Jugra termasuk Istana Bandar dan Masjid Sultan Alaeddin di Kampung Bandar, tidak jauh dari Bukit Jugra, boleh dibangunkan sebagai satu jejak warisan.

Jika selama ini Banting yang terletak berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menjadi pusat pendidikan dengan kewujudan beberapa institusi pengajian termasuk Kolej MARA Banting, serta menjadi pusat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terbesar negara dengan sekurang-kurangnya 13 perusahaan makanan ringan, penemuan tapak sejarah di Bukit Jugra mampu menjadi satu lagi tarikan di daerah Kuala Langat.

Kurator Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Intan Salina Idrus, berkata pihaknya sudah menemui 38 tapak termasuk rumah pasung di kawasan yang dulunya menjadi pelabuhan di Jugra.

Katanya, rumah pasung berkenaan yang hanya tinggal tiang ketika ditemui, kini ia dibina semula

dan dipulihkan mengikut seni bina asal.

“Pada masa sama, Istana Bandar di Kampung Bandar juga berjaya dibaik pulih,” katanya kepada BH.

### **Persamaan Kota A Famosa**

Intan Salina berkata, walaupun seni bina bangunan yang ditemui di kawasan Bukit Jugra mempunyai persamaan dengan Kota A Famosa di Melaka, penemuan di Selangor lebih lengkap kerana ia menunjukkan satu kompleks pentadbiran lengkap.

Pada masa ini, pejabat pentadbiran kawasan berkenaan ditempatkan di rumah pasung yang kini dijadikan Muzium In-Situ Jugra, tetapi PADAT melihat kemungkinan untuk memindahkan atau membuka satu lagi pejabat di tapak Istana Bandar yang masih belum dibuka untuk orang ramai.

Selain penemuan kompleks pentadbiran berkenaan, penemuan gendang Dongson iaitu sejenis gendang pada zaman neolitik di kawasan tebing Sungai Sedu dan Sungai Lang yang terletak tidak jauh daripada

Bukit Jugra, juga menunjukkan penempatan awal sudah lama wujud sebelum Jugra menjadi kota pemerintahan Sultan Abdul Samad.

Intan Salina berkata, sehingga kini, gendang berkenaan banyak ditemui di Selangor selain penemuan sebuah gendang berkenaan di Kuala Terengganu.



**Masjid Sultan Alaeddin dibina di Kampung Bandar pada tahun 1924** oleh Almarhum Sultan Suleiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa.